



BULETIN IKIM

اینسٹیتوٹ کفہام اسلام ملیسیا

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

EXPERT CONSULTATION “MAQASIDIC FRAMEWORK FOR THE FORMATION OF KHAIRA UMMAH”



Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengurus IKIM bersama ahli panel Prof. Dato' Dr. Jafri Malin bin Abdullah, Universiti Sains Malaysia, Prof. Dr. Abdul Latiff bin Mohamed, Universiti Cyberjaya, Ustazah Nor Safina binti Zainal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan dan Prof. Madya Dr. Aznan bin Hasan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah menganjurkan Muzakarah Pakar bertemakan *Maqasidic Framework for the Formation of Khaira Ummah (The Best of People)* (Kerangka Maqasid bagi Pembentukan Khaira Ummah (Umat yang Terbaik) pada 3 Februari 2021.

Muzakarah Pakar ini dimulakan dengan ucapan tema oleh Pengurus IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid antara lain telah mengemukakan beberapa soalan kepada ahli-ahli panel apabila berkata demikian “*on social unity, is it desirable to have a national harmony act? With regard to marriage and stable family, is a “marriage charter” desirable?. In Islamic religious schools, should we introduce the concept of*

the “Islamic mind”? Are there Islamic equivalents of word games such as the “crossword puzzles”, or number games such as “Sudoku” and “Kakuro”, to stimulate the mind, and to test one’s array of knowledge?. Bagaimanakah kita hendak terapkan nilai amanah dan integriti bermula dari sekolah sampai ke peringkat universiti?

Antara pembentang yang terlibat adalah Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, yang menyentuh tentang pemeliharaan agama (hifz al-deen); Profesor, Fakulti Perubatan, Universiti Cyberjaya, Profesor Dr. Abdul Latiff bin Mohamed yang menyentuh tentang pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs); Pakar Runding Kanan Neurosurgery, Jabatan Neurosains, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Profesor Dato' Dr. Jafri Malin bin Abdullah yang menyentuh tentang pemeliharaan akal fikiran (hifz al-'aql); Pakar Runding Pediatric and Neonatalogi, Hospital Pakar KPJ Damansara, Dato' Dr. Musa bin Mohd Nordin yang menyentuh tentang pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl); Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Madya Dr. Aznan bin Hasan yang menyentuh tentang pemeliharaan harta (hifz al-mal); Pengarah, Bahagian Maqasid Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Ustazah Nor Safina binti Zainal yang menyentuh tentang peranan JAKIM dalam memberikan kefahaman tentang maqasid syariah dan Mantan Pengarah, Pusat Pengajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Profesor Dr. Muhammad Syukri bin Salleh.

DISCOURSE ON “THE RIGHTS OF FUTURE GENERATIONS”



Antara pembentang yang terlibat menjayakan program ini iaitu Tn. Haji Roslan bin Mat Nor, Jabatan Peguam Negara, YAA Dato' Setia Dr. Haji Na'im bin Haji Mokhtar, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Datuk Emeritus Prof. Dr. Shad Saleem Faruqi, Universiti Malaya, Dato' Ahmad Nazim bin Abdul Rahman, Allied Investment Partners PJSC, Tn. Jufitri bin Johar, Majlis Belia Malaysia dan Tn. Haji Ir. Mohd Jamaludin bin Shamsuddin, Allied Coordinating Committee of Islamic NGO's

Pada 3 Mac 2021, Institut Kefahaman Islam Malaysia telah menganjurkan *Discourse on the Rights of Future Generations* (Hak-Hak Generasi Masa Depan). Program dalam talian ini telah memanfaatkan penyertaan pakar-pakar Perlembagaan, Syariah, Undang-Undang Antarabangsa, Hak Asasi, Ekonomi, aktivis Belia dan NGOs. Tema perbincangan ialah “Hak-Hak Generasi Masa Depan” atau “Kewajiban terhadap Generasi Akan Datang”.

Wacana ini dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Pengurus IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid antara lain menyatakan “*there are four transformation imperatives for a more equitable and sustainable future generations, namely: (i) to cut carbon emissions, by investing in renewable energy, having public participation by transiting to energy technologies like cheaper solar panels, eco-friendly*

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin, telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Mendepani Realiti Perubahan Iklim: Menggarap Daya Tahan Generasi Muda” di Sesi Webinar Perubahan Iklim: Belia dan Media Sosial pada 2 Februari 2021 anjuran Universiti Selangor (UNISEL).

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Peranan Pemimpin Dalam Membina Peradaban Hijau” di program Ahli Panel Dialog Kepimpinan pada 24 Februari 2021 anjuran Institut Pembangunan & Kecemerlangan Kepimpinan (i-Lead), Kementerian Belia & Sukan Malaysia (KBS).

Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail telah membentangkan kertas menerusi FB Live bertajuk “Menyaring Pemimpin Abad ke-21: Mengasingkan yang Tulen daripada yang Palsu” di Dialog Kepimpinan I-LEAD pada 10 Februari 2021 anjuran Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (I-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian melalui Google Meet bertajuk “Pandangan Alam sebagai Asas Ta’ dib” diprogram Pandangan Alam Islam sebagai Asas Kehidupan (PASAK) pada 13 Februari 2021 anjuran Circle of Ta’ dib and Adab (CITA); Ta’ dib International Foundation dan Dzul Iman Quranic Lifeschool.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Mohd Shaikh Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Organ Donation: An Islamic Perspective” di Webinar Organ Donation: A Religious Perspective pada 26 Februari 2021 anjuran Universiti Malaya.

transportation, and wildfire-fighting drones; (ii) a rapid shift towards “sustainable food systems”, such as an increase in the amount of locally grown food; (iii) to shift our “development paradigm”, through economic growth within the environmental parameters of an ecological civilization; green economy increases the number of green jobs and businesses with green operations. All these require new buildings to be carbon neutral, while existing buildings reduce their CO₂ emissions. Building materials must be selected from renewable or recycled sources. Waste management facilities must be designed to support recycling, while reducing solid waste that go to landfills. Most rain water falling on site should be collected and re-used; and, (iv) a radical “increase in quality education, health, and access to work”, to achieve Sustainable Developmental Goals (SDGs). There should be increased accessibility of natural, green parks, greenways, and other green space, so that the future generations will live within these spaces”.

Ucapan Tema “Hak-Hak Generasi Masa Depan” telah disampaikan oleh Penyandang Kursi Tunku Abdul Rahman, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Datuk Emeritus Profesor Dr Shad Saleem Faruqi yang menerangkan Generasi Masa Depan dalam konteks hak asasi, kemuliaan insan, keadilan yang merangkum pelbagai generasi, khilafatullah fi'l-ard, undang-undang antarabangsa, kera-

ngka moden undang-undang antarabangsa dan perundangan Malaysia. “Hak-Hak Generasi Masa Depan” adalah ilmu baharu yang banyak manfaatnya.

Tujuh (7) orang pembentang telah diundang antaranya adalah Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, YAA Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar, Timbalan Ketua, Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Pejabat Peguam Negara Malaysia, Tuan Haji Roslan bin Mat Nor, Presiden, Majlis Belia Malaysia, Encik Jufitri bin Joha, Pengarah Urusan (Asia Tenggara), Allied Investment Partners, Dato’ Ahmad Nazim bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs, Tuan Haji Ir. Mohd Jamaludin bin Shamsudin.

Wacana ini menghargai bahawa idea “Hak-Hak Generasi Masa Depan” atau “Kewajiban terhadap Generasi Akan Datang” berupaya untuk menjadi instrumen dan model yang memberi perspektif baharu dalam membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik. Dasar dan polisi negara perlu mengambil kira kesan sesuai rancangan dan projek terhadap generasi akan datang.

SEMINAR SEHARI “PEMBANGUNAN MINDA QUR’ANI”



Tun Ahmad Sarjin bin Abdul Hamid, Penggerusi IKIM ketika menyampaikan ucapan tema Seminar Sehari Pembangunan Minda Qurani

Pada 9 Mac 2021, Institut Kefahaman Islam Malaysia telah menganjurkan Seminar “Pembangunan Minda Qur’ani” secara dalam talian. Antara peserta yang terlibat terdiri daripada para pengkaji, pelajar universiti, guru serta peringkat pengurusan yang telah memanfaatkan pengisian ilmiah sepanjang program sehari ini.

Pengerusi IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa “sekiranya seseorang itu mempunyai Minda Qurani, perkara yang paling penting ialah apabila ia melakukan apa sahaja urusan dalam kehidupan, ia tidak lupa bahawa Allah

melihat apa yang ia lakukan. Kita akan diper tanggungjawabkan apa sahaja perbuatan kita sama ada yang baik dan yang buruk. Akan tetapi sekiranya kita sentiasa mengingati Allah, kita pasti akan mendapat kebaikan di dunia ini dan di akhirat. Di zaman moden ini, Minda Qurani mungkin boleh dibangunkan dengan menggunakan teknologi digital yang sekarang ini mempergaruhi akal dan minda manusia. Kandungan platform digital yang berkaitan dengan Minda Qurani boleh disediakan oleh para ulama. Para teknologi pula akan memutuskan bentuk teknologi yang sesuai, sama ada melalui bentuk audio dan video, chat room dan forum”.

EXPERT CONSULTATION “COVID-19: ISLAMIC RESPONSES”



Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengurus IKIM, bersama para pembentang En. Ahmad Razif bin Mohamad, Malaysian Industry-Government Group for High Technology, Prof. Dr. Ainul Jaria binti Maidin, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Datuk Dr. Awang Bulgiba bin Awang Mahmud, Universiti Malaya, Pn. Noriah binti Haron, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dr. Rezal Khairil bin Ahmad, NanoMalaysia Berhad, En. Azwan bin Baharuddin, Accenture Malaysia dan En. Iskandar Mirza bin Mohd Yusof, Pelancongan Malaysia

Institut Kefahaman Islam Malaysia telah menganjurkan Expert Consultation dengan tema “COVID-19: Islamic Responses” pada 17 Mac 2021. Pengurus IKIM, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid menyampaikan ucapan tema yang antara lain mengemukakan dua soalan seperti berikut “(i) Online learning helps students to develop technological skills, deepen their knowledge of the functions of the internet, doing typing and creating software programs. Many students are now considered to be digitally literate.

Based on the advantages of online teaching and learning, can this modern medium be the way forward for the religious education sector? Can the learning and teaching of al-Qur'an, al-Hadith and fatwa be conducted online? If so, what are the limits? (ii) The COVID-19 pandemic has helped us to innovate our physical, digital, and technological infrastructures. In this digital era, the critical imperative is to enhance our capacity to think and interact. What is the plan to create and develop a future's Islamic digital literacy for a better understanding of Islam? ”.

Antara pembentang yang terlibat dalam webinar ini ialah Malaysian Industry-Government Group for High Technology, En. Ahmad Razif bin Mohamad, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Dr. Ainul Jaria binti Maidin, Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Awang Bulgiba bin Awang Mahmud, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pn. Noriah binti Haron, NanoMalaysia Bhd., Dr. Rezal Khairil bin Ahmad, Accenture Malaysia, En. Azwan bin Baharuddin dan Pelancongan Malaysia, En. Iskandar Mirza bin Mohd Yusof.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Mohd Shaikh Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Ciri-ciri Pelajar Berkualiti: Persediaan di Sekolah untuk Universiti” di Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Setiawangsa pada 27 Februari 2021 anjuran Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Setiawangsa.

Felow Kanan Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Pn. Azrina binti Sobian di Slot Assalamualaikum TV Al-Hijrah untuk mempromosikan Program Expert Consultation "Maqasidic Framework for the Formation of Khaira Ummah (The Best of People)" pada 16 Februari 2021.

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin selaku ahli panel di sesi webinar On A New Philosophy of Science for Sustainability of Planet Earth: Islamic Perspective pada 22 Mac 2021 anjuran International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC).

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Azizan binti Baharuddin telah menyampaikan ceramah bertajuk “Memperingati Hari Wanita Sedunia dan Peristiwa Israk Mikraj” pada 26 Mac 2021 di program Sempena Hari Wanita Sedunia 2021 dan Israk Mikraj 1442H anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Environmental Ethics: Case Study of Using Genetically-Modified Microalgae in Carbon Capture, Storage and Utilisation (CCUS)” pada 5 Mac 2021 di program Global Citizen anjuran Universiti Petronas.

KURSUS ASAS “KAEDAH PENGURUSAN HARTA KELUARGA ISLAM SIRI 2021”



Pn. Suzana binti Md. Samsudi, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM dan Dr. Mohd Zamro bin Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pada 23—24 Mac 2021, IKIM telah menganjurkan Kursus Asas “Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam Siri 2021”. Penganjuran kursus ini adalah sebahagian usaha untuk membentulkan dan menambah baik kefahaman dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini; mewujudkan kemahiran dalam mengurus harta peribadi; dan mempunyai keupayaan untuk membuat pertimbangan dalam menentukan pengagihan harta mengikut hukum syarak. Kursus ini telah diada-

kan secara dalam talian melalui aplikasi zoom dan disertai oleh seramai 48 orang peserta.

Objektif kursus ini adalah untuk: (i) memberi kefahaman yang betul, tepat dan spesifik kepada peserta terhadap aplikasi kaedah atau instrumen pengurusan harta seperti faraid, hibah, wasiat, wakaf dan harta sepencarian dengan lebih praktikal dan bukan teori semata-mata, (ii) memberi kefahaman secara spesifik setiap instrumen kepada peserta untuk menyesuaikan pengagihan harta yang hendak dilaksanakan sesuai mengikut struktur perwarisan keluarga masing-masing dan (iii) membimbing peserta dan membina keyakinan terhadap keputusan yang diambil dalam mengurus harta serta tidak dipengaruhi oleh pihak lain dalam kalangan ahli keluarga sendiri atau pihak luar.

Kursus ini oleh dibimbing oleh pakar-pakar yang dijemput oleh IKIM. Mereka ialah: (i) Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Mohd Zamro bin Muda dengan pembentangan bertajuk “Hibah & Hadiah: Hukum, Prosedur & Pengalaman di Malaysia” dan -

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Cabaran Menjalankan Penyelidikan Rentas Bidang Melibatkan Sains dengan Pengajian Islam” pada 24 Mac 2021 di program Siri Bicara Ilmuwan anjuran Institut Perubatan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia.

Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen bin Shaikh Mohd Salleh dalam Slot Assalamualai-kum TV Al-Hijrah bagi mempro-mosikan program IKIM “Covid-19: Islamic Responses” pada 9 Mac 2021.

Felow Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Pn. Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin telah membentangkan kertas kerja secara dalam talian bertajuk “Islam dan Alam Sekitar” pada 25 Mac 2021 di Forum FB Live “1 Jam Untuk Alam” anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bersama Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia.

Felow Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Pn. Suzana binti Md. Samsudi sebagai ahli panel dalam webinar “Al-Qawiyul Amin: Pencorak Kepimpinan Masa Depan Negara” Siri 1/2021 pada 25 Mac 2021 anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Felow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, En Md Asham bin Ahmad telah membentangkan kertas kerja secara atas talian bertajuk “Etika dan Ilmu Menurut Perspektif Islam” di webinar Program Bicara Ilmu anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 25 Mac 2021

“Wakaf: Konsep dan Amalannya di Malaysia”, (ii) Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Perak Darul Ridzuan, Yang Arif Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi dengan pembentangan bertajuk “Harta Sepencarian: Klasifikasi, Prosedur dan Pelaksanaan di Mahkamah Syariah di Malaysia”, (iii) Pegawai Syariah Mahkamah Syariah Kuala Lumpur, Tuan Mohamed Fouzi bin Mokhtar dengan pembentangan bertajuk “Wasiat: Hukum, Prosedur dan Pengalaman di Malaysia”, (iv) Pengarah Bahagian Pembahagian Pusaka, Tuan Haji Baharuddin bin Aziz den-

gan pembentangan bertajuk “Faraid dan Konsep Pewarisan dalam Islam” dan “Hal Ehwal Pentadbiran Harta Pusaka Islam di Malaysia dan Permasalahannya”, (v) Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Puan Siti Shamsiah Md Supi dengan pembentangan bertajuk “Pengurusan Harta Keluarga Islam: Satu Pengenalan”.

(Koleksi Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid – Pengerusi IKIM)



Ilustrasi Masjidil Haram Mekah – tahun 1970

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT IKIM
NO 2, LANGGAK TUNKU, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR



03 6204 6200



pr@ikim.gov.my



Institut Kefahaman Islam Malaysia



myIKIM



@myIKIM



IKIM